

23/03/2003

Percutian di Antartika di Astro malam ini

Izza Safinaz Ibrahim

PENGEMBARAAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke Antartika

bakal menemui penonton malam ini di Astro saluran 11, Discovery Travel & Adventure. Rancangan Postcards From A Prime Minister adalah peluang terbaik untuk penonton menyaksikan pengalaman peribadi beliau sepanjang perjalanan ke hujung dunia itu.

Catatan perjalanan ekspedisi dari 5 hingga 13 Februari 2002 itu juga lebih menarik kerana ia menampilkan rakaman video oleh Perdana Menteri melalui kamera digitalnya sendiri. Rakaman penjelajahan ke benua asing itu

menyaksikan saat-saat bersejarah rombongan yang turut disertai 60 warga Malaysia menjejaskan kaki ke Antartika buat pertama kalinya.

Perdana Menteri sendiri meluangkan masa untuk menceritakan keseluruhan detik berharga yang dilaluinya dalam percutian sekali seumur hidup itu dalam rancangan 30 minit ini. Sememangnya Postcards From A Prime Minister

adalah yang pertama seumpamanya yang menampilkan pengalaman sebenar seorang ketua negara ke suatu tempat yang asing dan sukar dilawati.

Perjalanan bermula dari Ushuaia, Argentina, ini dengan menaiki kapal pemecah ais Rusia, Kapitan Dranitsyn membawa rombongan yang juga disertai

oleh ahli keluarga Perdana Menteri ke Antartika.

Merempuhi lautan luas yang kemudian bertukar menjadi hamparan ais, tempat yang paling terpencil di dunia berada di depan mata dan Dr Mahathir

tidak terlepas untuk merakam semua detik bersejarah itu.

Penonton juga berpeluang mengenali Perdana Menteri dengan lebih dekat serta menyaksikan personalitinya yang ceria dan bersahaja sepanjang percutian paling bermakna itu berbanding personalitinya sebagai ketua negara yang sering kelihatan serius dan tegas.

Antara paparan menarik termasuk detik cemas merentas laut bergelora, permukaan lautan ais yang sukar untuk mendarat helikopter, saat manis berkaraoke atas kapal, menikmati jamuan barbeku di atas dek dalam kesejukan dan bermain salji dengan penguin.

Kunjungannya ke Antartika juga adalah untuk menyuarakan kesungguhan Malaysia yang berpendirian tegas supaya kawasan terpencil itu tidak dituntut oleh mana-mana negara kerana ia adalah khazanah alam yang cukup berharga untuk dikongsi oleh seluruh dunia.

Jangan ketinggalan menonton Postcards From A Prime Minister di Discovery

Travel & Adventure saluran 11 Astro jam 8 malam ini dan akan disiarkan semula jam 8 pagi esok.